

Rekod tertinggi 25 kematian

Kes baharu catat sedikit penurunan iaitu 2,712 kes

KUALA LUMPUR

Malaysia merekodkan 25 kematian harian akibat Covid-19 dalam tempoh 24 jam lalu, angka tertinggi sejak penularan jangkitan itu dikesan di negara ini awal Januari tahun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan kes kematian itu menjadi jumlah kumulatif kes kini sebanyak 1,030 kes.

Menurutnya, kes baharu mencatatkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 2,712 kes berbanding 2,998 kes pada Rabu, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia sebanyak

274,875 kes.

“Sehingga jam 12 tengah hari tadi (Khamis), sebanyak 5,320 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih sebanyak 235,082 kes atau 85.5 peratus.

“Terdapat 227 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 103 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan,” katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan semasa Covid-19 pada Khamis.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor melaporkan kes ha-



DR NOOR HISHAM

rian baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,013 kes, diikuti Johor (426 kes) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 212 kes.

Menurutnya, sebanyak 17 kluster baharu dikenal pasti dengan kluster berkaitan tempat kerja masih merekodkan angka tertinggi sebanyak 14 kluster, manakala masing-masing satu kluster melibatkan kumpulan berisiko tinggi, keagamaan, dan komuniti.

“Bagi kluster melibatkan tempat kerja, lima adalah di Selangor iaitu Jalan Bukit Kemuning, Jalan Jitu, Jalan Hulu Tinggi, Mayang dan Jalan Industri Kidamai.



“Empat di Johor (Perindustrian Fasa Dua, Jalan Perindustrian Estate, Jalan DPB Tiga dan Jalan Tebrau), Sabah (Lot Satu dan Lot Tujuh), manakala masing-masing satu kluster di Pulau Pinang (Lintang Kampung Jawa), Perak (Jalan Changkat Jong) dan Kuala Lumpur (Mediacity),” katanya.

Beliau berkata, sebanyak 539 kluster telah tamat termasuk 10 kluster tamat pada Khamis. - *Bernama*

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 18 Februari 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
274,875	235,082	227	1,030	+2,712

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 272,163 kes kepada 274,875 kes

